

**TINJAUAN KEFAHAMAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN ISLAM KOLEJ  
UNIVERSITI ISLAM PERLIS TENTANG AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH  
(A SURVEY OF STUDENTS' UNDERSTANDING OF THE FACULTY OF ISLAMIC  
STUDIES OF PERLIS ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE ON THE AQIDAH OF  
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH)**

Muhammad Ihsan bin Idris (*Corresponding author*)  
*Faculty Of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)*  
*02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*  
*E-mail: ihsan@kuips.edu.my*

Nor Athirah binti Mohamed Indera Alim Sah  
*Faculty Of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)*  
*02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*  
*E-mail: norathirah@kuips.edu.my*

Nurul Faezah binti Yahaya  
*Faculty Of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)*  
*02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*  
*E-mail: faezahyahaya@kuips.edu.my*

*Article  
Progress:*

*Submission date:  
03 Nov 2022  
Accepted date:  
16 Nov 2022*

## **ABSTRACT**

*This study aims to identify the extent to which the students of the Bachelor of Islamic Studies program, Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, understand the creed of Ahli Sunnah Wal Jamaah. Based on Abdul Shukor Husin's research, it was found that the Ahli Sunnah Wal Jamaah's appreciation of the Ashairah and Maturidiah sects that are traditionally passed down from generation to generation in Malaysia has limited the true understanding of Ahli Sunnah among the general public. In their point of view, only Ashairah and Maturidiah are synonymous with Ahli Sunnah while other schools such as Salaf and Wahabiah are not considered part of Ahli Sunnah. In connection with that, a study should be conducted to assess the level of understanding of students of higher education in religious institutions about the beliefs of Ahli Sunnah and matters related to it. This qualitative study uses the interview method for the process of collecting and recording data. Some final year students of the Bachelor of Islamic Studies program, Faculty of Islamic Studies KUIPs were randomly selected to review their understanding of Ahli Sunnah Wal Jamaah. Based on the interviews that have been conducted, it was found that the students' understanding of Ahli Sunnah Wal Jamaah is at a good level but still needs improvement. The results of the study also show that most of them are able to distinguish the principles and practices of Ahli Sunnah Wal Jamaah and are mature in dealing with issues that arise. Nevertheless, some improvement efforts need to be continued to guarantee the quality of the students in appreciating the beliefs of Ahli Sunnah Wal Jamaah. Therefore, this study suggests that several efforts can be implemented in order to improve students' understanding of Ahli Sunnah Wal Jamaah as a preparation for them to face society.*

**Keywords:** *Aqidah, Ahli Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, Islamic Studies.*

## PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menjadikannya sebagai salah satu dasar dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak (Mohd Aizam, 2015, 14). Merujuk kepada keputusan Panel Kajian Akidah JAKIM bertarikh 28 Disember 2010, takrifan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. menerusi para sahabat, tabiin dan tabi tabiin yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip akidah, syariah dan akhlak. Menghuraikan takrifan ini, Mohd Aizam (2015, 19) menjelaskan bahawa mereka yang berpegang dengan mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah adalah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah *salaf* dan *khalf* (*Asya'irah* dan *Maturidiyah*). Mereka adalah golongan berfahaman sederhana, tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Kenyataan ini mengeluarkan *Khawarij*, *Syiah*, *Rafidhah*, *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Muktazilah*, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralism agama dan seumpamanya. Golongan Ahli Sunnah ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam.

Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah lama membumi di Malaysia khususnya sejak ratusan tahun dahulu telah menetahkan kesan yang baik kepada kestabilan rohani dan jati diri masyarakat. Dalam aspek akidah, pegangan yang diamal dan diwariskan secara tradisi dari generasi ke generasi ialah fahaman *Asya'irah* dan *Maturidiyah*. Namun begitu, fenomena ini tanpa sedar telah membataskan kefahaman masyarakat tentang pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah yang lebih luas. Bagi masyarakat awam, hanya aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyah* sinonim dengan Ahli Sunnah sedang aliran lainnya seperti *Salaf* atau Wahabi tidak dianggap sebagai Ahli Sunnah (Abdul Shukor, 1998, 13). Pertembungan ideologi antara golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bermanhaj *Asya'irah* dengan mereka yang bermanhaj *Salaf* atau ahli hadis turut mengakibatkan isu takfir dan pelabelan sesat serta bidaah antara kedua-dua pihak. Hal ini berlaku apabila terdapat dalam kalangan kumpulan-kumpulan tersebut yang bersikap agak keras dan taasub terhadap pandangan masing-masing hingga akhirnya mewujudkan suasana tidak harmoni antara kedua-dua pihak (Basri Ibrahim, 2019, 3).

Merujuk kepada Kolej Universiti Islam Perlis sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi Islam di negeri Perlis yang sentiasa memacu gerak dakwah Ahli Sunnah Wal Jamaah, kajian tinjauan kefahaman pelajar-pelajar Kolej Universiti Islam Perlis sangat signifikan sebagai satu penanda aras dan boleh ukur bagi menilai sejauh mana tahap kefahaman pelajar-pelajar ini tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian ini penting kerana ia bakal memberikan satu gambaran jelas terhadap kefahaman pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah memandangkan mereka adalah pelapis dan penyambung yang akan meneruskan tugas para ulama dan pendakwah. Menerusi kajian ini juga, kelomongan dan kekurangan pada silibus pengajian akidah yang ditawarkan kepada para pelajar dapat ditambahbaik agar sentiasa relevan dan mampu mendepani cabaran situasi semasa. Selain itu, semoga kajian ini turut menjadi pemangkin kepada kajian-kajian seterusnya dalam rangka memperkasakan pengajaran dan pembelajaran akidah di Malaysia secara umumnya.

Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini iaitulah untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam KUIPs tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah seterusnya mengenalpasti tahap pendedahan tentang Ahli Sunnah dalam silibus pengajian akidah dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, KUIPs.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan metod temubual sepenuhnya. Beberapa set soalan berstruktur disediakan berdasarkan empat kategori soalan iaitu; (1) Ahli Sunnah Wal Jamaah, (2) Prinsip Akidah Dan Amalan Ahli Sunnah, (3) Sumber Ilmu Dan Pendalilan Ahli Sunnah, (4) Silibus Pengajian Akidah Dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Pelajar-pelajar akan diberikan soalan yang sama dan jawapan para pelajar akan direkod dan dikumpulkan oleh para penyelidik sebelum dilakukan analisis.

Dari segi skop kajian, kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, KUIPs. Justeru, temubual yang dilakukan hanya melibatkan beberapa pelajar sebagaimana telah dinyatakan. Justifikasi limitasi skop pengajian hanya kepada pelajar peringkat ijazah adalah kerana mereka dilihat lebih matang dari segi pemikiran dan intelek berbanding pelajar di peringkat diploma manakala justifikasi limitasi skop pengajian hanya kepada pelajar-pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam adalah kerana mereka mendapat pendedahan yang lebih mendalam berhubung kursus akidah berbanding program lainnya di Fakulti Pengajian Islam KUIPs. Pelajar-pelajar ini diwajibkan

mengambil dua kursus akidah yang ditawarkan dalam program ini iaitu BUS 4013 Akidah Islam 1 (*al-Ilahiyyat wa al-Nubuwwat*) dan BUS 4043 Akidah Islam 2 (*al-Sam'iyyat wa al-Ghaybiyyat*).

## **HASIL KAJIAN**

### **PENGERTIAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH, ALIRAN DAN MANHAJ**

Mengimbau lipatan sejarah, berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menjadi anutan majoriti umat Islam di seluruh dunia. Pengikut Ahli Sunnah merujuk kepada mereka yang mendukung penghayatan Islam yang sebenar berpandukan kefahaman dan pengamalan yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat, tidak menyeleweng dan tidak dipengaruhi dengan pemikiran-pemikiran batil seperti *Khawarij*, *Muktazilah*, *Syiah* dan seumpamanya. Mentakrifkan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Panel Kajian Akidah JAKIM memutuskan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW menerusi para Sahabat, Tabiin dan Tabi Tabiin yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip akidah, syariah dan akhlak (al-Bakri, t.t., 59). Dari sudut terminologi, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah dizahirkan sebagai satu langkah preventif bagi menjamin kemurnian akidah Islam. Zulkifli Mohamad al-Bakri menyatakan istilah Ahli Sunnah digunakan bagi membezakan kumpulan terbesar umat Islam dari kumpulan minoriti seperti *Syiah*, *Muktazilah*, *Khawarij* dan *Murjiah* (al-Bakri, t.t., 9-10).

Menurut al-Baghdadi dalam kitabnya *al-Farq Bayna al-Firaq*, golongan yang berpegang dengan akidah Ahli Sunnah tidak terbatas kepada aliran *Asya'irah* dan *Maturidiah* sahaja. Akidah Ahli Sunnah merangkumi (Basri Ibrahim, 2022, 19-20):

- Golongan ahli kalam yang bersih daripada *tasybih*, *ta'til* dan bidaah golongan *Rafidah*, *Khawarij*, *Jahmiyyah* dan *al-Najjariyah* serta seluruh golongan yang mengikut nafsu. Mereka yang bersih daripada mengikut nafsu termasuk Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.
- Golongan ahli fikah termasuk tokoh-tokoh imam fikah beraliran *al-Ra'y* mahupun *al-Hadith* yang bersih daripada *tasybih* dan *ta'til*. Mereka termasuk para Sahabat terkemuka iaitu Malik, al-Syafie, Ahmad bin Hanbal, al-Awza'i, al-Thawri dan Ibn Abi Laila. Begitu juga murid-murid mereka, ahli zahir dan seluruh fuqaha yang mengisbatkan sifat Allah serta bersih daripada golongan yang mengikut hawa nafsu.
- Golongan ahli hadis yang bersih daripada golongan yang mengikut hawa nafsu seperti al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Nasa'i dan lain-lain.

- Golongan ahli bahasa Arab yang bersih daripada golongan yang mengikut hawa nafsu seperti Khalil al-Farahidi, al-Ala', Sibawaih, al-Akhfasy dan lain-lain.
- Golongan yang pakar dalam lapangan pembacaan al-Quran, yang menjauhi golongan yang mengikut hawa nafsu seperti Hafs, 'Asim dan lain-lain.
- Golongan zuhud dan ahli sufi yang berpegang kuat dengan al-Quran dan al-Sunnah seperti al-Junaid, Rabi'ah al-Adawiyah, al-Fudail bin 'Iyad, Hassan al-Basri dan lain-lain.
- Golongan yang berjaga di sempadan negara daripada dicerobohi pihak musuh.
- Golongan rakyat jelata yang mengikut Ahli Sunnah dan di negara mereka berjalan syiar Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Bagi mereka yang mengkaji susur galur mazhab Ahli Sunnah, pasti mereka akan dapati bahawa golongan Ahli Sunnah terbahagi kepada aliran *Salaf* dan *Khalaf*. Mohd. Aizam menyatakan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah golongan yang berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah *Salaf* dan *Khalaf* (*Asya'rah* dan *Maturidiah*). Mereka adalah golongan berfahaman sederhana, tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Ini mengeluarkan *Khawarij*, *Syiah*, *Rafidhah*, *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Muktazilah*, Anti-Hadis, Islam Liberal, pluralism agama dan seumpamanya. Mereka juga adalah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam, bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taasub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam (Mohd. Aizam Mas'od, 2015, 19). Secara perbandingan, kedua-dua aliran ini berkongsi matlamat yang sama dalam usaha pemurnian akidah namun berbeza dari segi pendekatan dan metod pengajian (al-Qaradawi, 2006, 33).

Pada umumnya, pengikut aliran *Salaf* merujuk kepada mereka yang berpegang dan menghayati Islam dengan fahaman Islam yang unggul seperti yang digariskan oleh Nabi SAW khususnya dalam bidang akidah. Fahaman ini seterusnya diwarisi oleh para Sahabat Nabi, Tabiin dan Tabi Tabiin. Menurut Abdul Shukor, mereka yang tidak menerima kaedah sebagaimana pengamalan generasi *Salaf* itu para Sahabat, Tabiin dan Tabi Tabiin, maka mereka tidak boleh digolongkan ke dalam Ahli *Salaf* dari segi metodologi (Abdul Shukor, 2000, 30-31). Adapun aliran *Khalaf* merujuk kepada mazhab Abu Hassan Asy'ari dan Abu Mansur Maturidi, metodologi mereka sedikit berbeza dengan aliran *Salaf*. Sebagai contoh, mereka mengambil pendekatan mentakwil pengertian ayat *mutasyabihat* dengan pengertian yang sesuai dengan Allah dan dapat difahami oleh akal (Abdul Shukor, 2000, 35).

Meneliti perbahasan berkaitan pengasas Ahli Sunnah Wal Jamaah, sebahagian besar pengkaji mazhab dan aliran pemikiran akidah, begitu juga majoriti umat Islam beranggapan Abu Hassan al-Asy'ari dan Abu Mansur Maturidi merupakan pengasas Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hakikatnya, mereka bukanlah pengasas kepada mazhab Ahli Sunnah. Mereka adalah penerus atau pejuang fahaman dan aliran yang diasaskan oleh Sahabat Nabi SAW dan imam-imam selepas para Sahabat (Abdul Shukor, 2000, 28). Muhammad Uthman al-Muhammady menegaskan bahawa Ahli Sunnah itu muncul sebelum munculnya Imam Abu Hassan al-Asy'ari yang terkenal sebagai Syeikh Ahli Sunnah (al-Muhammadi, 1995). Bertitik tolak dari itu juga, dapat disimpulkan bahawa imam-imam mazhab yang empat juga merupakan penerus kepada akidah Ahli Sunnah dan keempat-empat tokoh mazhab ini merupakan penerus kepada akidah beraliran *Salaf*. Begitu juga aliran Muhammad bin Abdul Wahab yang lazim dimomokkan dengan pelabelan Wahabi oleh sesetengah masyarakat, hakikatnya aliran Wahabi merupakan satu aliran yang berpegang dengan akidah Salaf dan mereka masih tergolong dalam mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Mereka bukan golongan *Mujassimah* atau *Musyabbihah* sebagaimana dakwaan yang tular di media sosial. Mereka juga bukan satu aliran ekstrem yang menghalalkan darah sesama muslim.

Memahami manhaj akidah Ahli Sunnah dengan tuntas merupakan satu faktor yang sangat penting bagi memastikan kefahaman yang benar terhadap nas agama. Ahmad bin Abdul Rahman al-Suwiyan menyatakan perpecahan dan kemunculan aliran-aliran akidah yang menyalahi Ahl al-Sunnah adalah berpunca daripada kepelbagaiannya kaedah mereka memahami perbahasan akidah. Dengan kata lain, proses yang salah dalam memahami nas membawa kepada kefahaman yang menyimpang daripada kebenaran (al-Suwiyan, t.t., 7). Antara ulama terawal yang menghuraikan manhaj *talaqqi* dan *istidlal* Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah Ibn Abi al-'Izz menerusi karyanya *Syarah al-Akidah al-Tahawiyyah*. Terdapat 16 kaedah yang diutarakan seperti berikut (Ibn Abi al-Izz, 2017, 14-27):

1. Menjadikan al-Quran sebagai sumber dalil naqli dan aqli.
2. Mengikut kefahaman *Salaf al-Salih* dalam memahami nas.
3. Beriman kepada perkara *ghaybiyyāt* bersandarkan nas-nas yang sahih sahaja.
4. Membahagikan tauhid kepada *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* dan meyakini kedua-duanya.
5. Mengisbatkan nama dan sifat Allah dengan mengakui kewujudan sifat tersebut, bukan membincangkan kaifiyat atau bentuknya.
6. Menggabungkan antara *ithbāt* dan *tanzīh* dalam mengimani *al-Asmā' wa al-Sifāt*.
7. Menolak takwil yang berasaskan ilmu kalam.

8. Membataskan peranan akal dan tidak menggunakannya pada bukan bidangnya.
9. Menggunakan kias *aula* dalam mengisbatkan dan menafikan sifat-sifat Allah.
10. Membataskan dan menentukan makna lafaz *mutasyabihat*.
11. Mengiktiraf sebab musabab.
12. Nilai baik dan buruk sesuatu perbuatan boleh dinilai oleh akal. Adapun soal pahala dan dosa hanya boleh ditetapkan menerusi syariat.
13. Mengisbatkan cabang-cabang akidah menerusi hadis Ahad yang diterima sebagai dalil sama ada berbentuk amalan atau keyakinan.
14. Membataskan lafaz yang diperselisihkan dan menentukan maksudnya.
15. Nas-nas naqli yang sahih adalah menepati dalil aqli.
16. Tidak boleh mengkafirkan seorang muslim disebabkan dosa yang dilakukannya.

Al-'Aql menerusi karyanya *Muqaddimāt wa Qawā'id fī Manhaj al-Salaf fī al-'Aqīdat* telah menyatakan secara terperinci manhaj pengambilan dan penerimaan (*talaqqi*) ilmu akidah dan kaedah pendalilannya. Dari segi manhaj *talaqqi* ilmu akidah, terdapat empat belas kaedah yang dinyatakan iaitu (al-'Aql, 2015, 72-81):

1. Sumber pengambilan dan penerimaan ilmu akidah ialah al-Quran, al-Sunnah, dan *Ijma'*.
2. Wajib menerima dan mengamalkan setiap riwayat yang sahih daripada Nabi SAW.
3. Semua urusan agama telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW.
4. Menyerah dan menerima kebenaran.
5. Beriman dengan keseluruhan nas al-Quran dan hadis yang sahih.
6. Yakin bahawa al-Quran dan al-Sunnah telah menyeluruh pada setiap perkara agama.
7. Tidak berlaku pertentangan antara al-Quran dan al-Sunnah.
8. Akal dan fitrah yang sihat akan seiring dengan syariat.
9. Perselisihan antara umat Islam mesti kembali kepada petunjuk al-Quran dan al-Sunnah.
10. Rasulullah SAW dan para Sahabat RA adalah ikutan.
11. Para ulama menjadi rujukan setelah Rasulullah SAW dan para sahabat RA.
12. Semua umat tidak akan bersatu atas kesesatan.
13. Sumber agama adalah terpelihara.
14. Zahir nas syara' adalah difahami maksudnya.

Adapun dari segi manhaj *istidlal* (pendalilan), terdapat sepuluh kaedah yang diutarakan iaitu (al-'Aql, 2015, 82-84):

1. Membataskan pendalilan berhubung permasalahan akidah hanya berdasarkan wahyu semata.
2. Mengambil berat persoalan sanad pada nas hadis.
3. Menghubungkaitkan nas-nas antara satu sama lain.
4. Berdalil dengan dalil-dalil yang sahih.
5. Bergantung kepada kefahaman dan huraian Sahabat r.a dalam memahami nas.
6. Merujuk kepada *athar Salaf al-Soleh*
7. Merujuk kepada lisan Arab
8. Merujuk kepada istilah-istilah Syarak.
9. Menerima dan beramal dengan maksud yang ditunjukkan oleh nas.
10. Tidak berdalilkan riwayat-riwayat yang lemah melainkan sekadar sebagai penguat atau menyokong dalil-dalil yang sahih.

Mengetahui dan berpegang dengan manhaj Ahli Sunnah adalah sangat signifikan bagi menjamin keutuhan dan kebenaran sesuatu pegangan. Menurut Abdullah Yasin, kejahilan tentang manhaj akan mengakibatkan kekaburuan dalam pegangan serta tidak mampu membezakan keutamaan sesuatu perkara. Mereka akan terjebak dalam perselisihan isu-isu *furu'* yang remeh-temeh yang diharuskan berjihad tentangnya sekaligus menati jahkan polemik dan perdebatan yang tidak berkesudahan sesama mereka (Abdullah Yasin, 2010, 280).

Merenungi manhaj *talaqqi* dan *istidlal* sebagaimana diutarakan oleh para Ulama silam mampu membenteng akidah umat Islam daripada sebarang kesesatan dan penyimpangan akidah. Dewasa kini, masyarakat sering disajikan dengan kisah-kisah karut dan tidak berasaskan amanah ilmiah hingga akhirnya menjadikan kepalsuan dan kebatilan itu seakan benar. Maka kerana itu, mengenalpasti dan berpegang dengan manhaj Ahli Sunnah yang benar adalah satu isu yang sangat kritikal dan perlu ditekankan khususnya dalam kalangan generasi muda dan penuntut ilmu.

Justeru, dengan melihat kepada perbahasan dan huraian tentang Ahli Sunnah, jelas bahawa mazhab Ahli Sunnah bukanlah satu mazhab baru yang dicetuskan oleh individu-individu atau tokoh-tokoh, akan tetapi ia merupakan peninggalan dan warisan daripada Rasulullah SAW serta para Sahabat Baginda (Abdullah Yasin, 2010, 283). Pengikut ahli Sunnah adalah mereka yang mengikut sunnah Rasulullah SAW dan para Sahabat. Mereka bukan ahli bidaah. Ahli Sunnah tidak ditentukan berdasarkan jumlah majoriti atau kumpulan tertentu. Golongan Ahli Sunnah adalah golongan yang berpegang dengan kebenaran agama walau jumlah mereka sedikit.

Kefahaman dan manhaj yang disandarkan kepada mazhab Ahli Sunnah adalah cerminan daripada nas al-Quran, hadith dan *athar Salaf al-Soleh* sebagaimana dinukulkan oleh para ulama silam. Justeru, seorang yang bermazhab Ahli Sunnah sewajarnya menghayati pengamalan agamanya sesuai dengan fahaman dan prinsip Ahli Sunnah dan menjauhi manhaj yang menyimpang daripadanya.

## **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS**

Kolej Universiti Islam Perlis atau lebih dikenal KUIPs merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Mula beroperasi secara rasmi di Kompleks Desa Siswa, Sg. Chuchuh pada 3 Mac 2014, KUIPs giat mengorak langkah memacu usaha untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan Islam yang unggul di rantau ASEAN dan menjadi institusi pilihan kepada pelajar-pelajar Islam seluruh dunia. Sebagai sebuah kolej universiti yang baru, KUIPS bakal menjadi pemangkin dalam usaha menyokong aspirasi Kerajaan Negeri ke arah merealisasikan negeri Perlis sebagai hub pendidikan. Terdapat empat fakulti yang menawarkan pelbagai program di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran iaitu Fakulti Pengajian Islam (FPI), Fakulti Al-Quran dan Sunnah (FQS), Fakulti Muamalat & Kewangan Islam (FMKI) dan Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan (FPSP).

Fakulti Pengajian Islam merupakan perintis dan fakulti akademik terbesar universiti merangkumi pelbagai disiplin ilmu Islam dengan menggabungkan bahan pendidikan *turath* dan menghubungkannya melalui teknik pembelajaran moden. Kursus-kursus yang ditawarkan cuba melahirkan graduan bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah membolehkan mereka menyedari dan menghuraikan keindahan Islam yang wajar diamalkan dalam kehidupan seharian, sebagai panduan hidup Islam, sebagaimana yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan menyebarkan ajarannya dan menyebarkan ilmu Islam. Antara program yang ditawarkan di bawah Fakulti Pengajian Islam adalah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Program yang merupakan gabungan disiplin ilmu Usuluddin dan Syariah Islam turut ditawarkan di peringkat diploma dan pascasiswazah.

Seiring dengan visi dan misi penubuhan Kolej Universiti Islam Perlis untuk menjadi sebuah institusi pendidikan yang unggul dan berdaya saing di peringkat global, dengan misi mengintegrasikan dan menyebarluaskan ilmu dan kefahaman berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, pemantauan dan peningkatan mutu akademik dalam melahirkan insan bermodal intelektual perlu sentiasa ditambahbaik agar matlamat dan harapan dapat dicapai. Bertitik tolak

dari itu, penyelidikan dan kajian berkaitan silibus pengajian, metod penyampaian dan seumpamanya perlu sentiasa dikemaskini dalam rangka menjadikan impian ini satu kenyataan. Justeru, kajian ini merupakan satu tinjauan yang sangat bernilai bagi menentukan tingkat kefahaman pelajar dalam bidang yang dipelajari.

### **SOALAN KAJI SELIDIK**

Merujuk kepada perbahasan pada subtopik terdahulu, beberapa persoalan yang difikirkan wajar telah disediakan bagi melaksanakan kajian ini. Terdapat empat kategori soalan yang diutarakan kepada setiap responden. Butiran soalan adalah seperti berikut:

#### *Bahagian 1: Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*

Bil.	Item
1.	Maksud Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.
2.	Pecahan aliran akidah dalam Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.
3.	Akidah Imam al-Syafii.
4.	Pengasas mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.
5.	Aliran Wahabi membawa kepada sikap ekstrem.
6.	Akidah Salaf adalah mujassimah.
7.	Berpegang dengan mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah bukan satu kewajipan.
8.	Ahli Sunnah Wa al-Jamaah merai dan membenarkan semua aliran pemikiran lainnya seperti Syiah, Muktazilah, Khawarij dan lain-lain kerana mereka juga tergolong sebagai seorang muslim.

#### *Bahagian 2: Prinsip Akidah Dan Amalan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*

Bil.	Item
1.	Perkara khilafiyah dalam ibadah seperti berqunut di solat Subuh atau membaca basmalah secara <i>sir</i> atau <i>jahr</i> membawa kepada kesesatan dan kerosakan akidah.
2.	Menjadikan orang soleh yang telah meninggal dunia sebagai wasilah dalam berdoa dan menjadikan kuburan mereka tempat ibadah dan dimuliakan termasuk dalam ajaran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.
3.	Menghukum sesat dan kafir kepada sesama muslim hanya kerana berbeza pandangan dalam urusan agama adalah tidak wajar.
4.	Kehujahan mimpi dalam agama.
5.	Ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW perlu tafsiran semula jika berlawanan dengan logik akal.

#### *Bahagian 3: Prinsip Pendalilan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*

Bil.	Item
1.	Apakah faktor yang paling mempengaruhi dalam menilai sesuatu isu.
2.	Sikap taasub dan fanatik kepada aliran tertentu termasuk prinsip Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.
3.	Pelabelan Wahabi atau sesat kepada orang yang bertanyakan dalil kepada penceramah.

#### Bahagian 4: Silibus Pengajian Akidah Bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam

Bil.	Item
1.	Adakah silibus pengajian akidah menyentuh tentang mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.
2.	Adakah pendedahan tentang Ahli Sunnah disampaikan dengan jelas.
3.	Tahap silibus bersesuaian atau tidak dengan tahap pengajian ijazah sarjana muda.
4.	Komen penambahbaikan.

#### PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Menyentuh item-item yang diutarakan pada Bahagian 1, berhubung perkara-perkara berkaitan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah, semua responden menunjukkan kefahaman yang baik tentang maksud Ahli Sunnah. Namun begitu, pada item pengertian “*al-Jamaah*”, 75% responden memahami maksud *al-Jamaah* manakala baki 25% responden masih belum jelas tentang pengertian *al-Jamaah*. Terdapat dalam kalangan pelajar tersebut menganggap *al-Jamaah* bermaksud majoriti umat Islam atau golongan yang ramai daripada mazhab Syafi'i. Majoriti responden menyatakan bahawa Ahli Sunnah Wa al-Jamaah tidak hanya terikat kepada aliran atau mazhab tertentu. Selama ianya berpedoman petunjuk al-Quran dan al-Sunnah, maka mereka dikira sebagai *al-Jamaah*.

Merujuk kepada pecahan aliran akidah dalam mazhab Ahli Sunnah, 50% responden mengetahui terdapat dua aliran akidah dalam Ahli Sunnah iaitu aliran Salaf dan Khalaf manakala baki 50% secara umumnya masih tidak jelas tentang pecahan aliran akidah dalam Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Sehubungan daripada itu juga, ketika responden diminta untuk mengenalpasti beberapa aliran-aliran pemikiran, hasil temubual mendapati 75% daripada responden mampu mengenalpasti aliran-aliran yang dinyatakan dengan tepat. Selebihnya masih kabur tentang aliran-aliran yang bernaung di bawah Ahli Sunnah. Terdapat dalam kalangan mereka tidak tahu atau tidak pasti tentang aliran *Asya'rah* dan *Maturidiyah*, apakah termasuk dalam Ahli Sunnah atau tidak. Dalam masa yang sama, terdapat dalam kalangan mereka turut beranggapan aliran Wahabi bukan daripada Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.

62% responden mengakui Imam al-Syafii bermazhab Salaf, bukan beraliran *Asya'rah* manakala 38% tidak pasti. Sebanyak 62% juga daripada responden mengakui Abu Hasan al-Asty'ari dan Abu Mansur al-Maturidi bukan pengasas Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana diyakini orang kebanyakan. Selebihnya tidak pasti atau tidak tahu. Menyentuh ajaran Muhammad bin Abdul Wahab, 62.5% tidak bersetuju ajaran Muhammad bin Abdul Wahab yang terkenal dengan istilah Wahabi disifatkan sebagai pencetus sikap ekstrem dan melampau

dalam masyarakat. 25% tidak pasti dalam perkara ini. Bagi kebanyakan mereka, sikap ekstrem tidak terikat kepada mana-mana aliran tertentu, ianya tergantung kepada sikap individu tersebut. Sama ada seseorang itu mendokong aliran bagi mereka yang berpegang dengan aliran Salaf mahupun Khalaf, terdapat juga mereka yang ekstrem dan melampau. 12.5% daripada responden bersetuju aliran Wahabi membawa kepada sikap melampau dalam masyarakat.

Terdapat dakwaan mengatakan akidah Salaf adalah akidah *tajsim* iaitu menyerupakan sifat Allah dengan sifat makhluk. 87.5% daripada responden tidak bersetuju dengan dakwaan ini manakala 12.5% tidak pasti. Merujuk kepada kewajipan berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah, 100% daripada responden bersetuju atas kenyataan ini. Rentetan daripada itu juga, semua mereka sepakat Ahli Sunnah Wa al-Jamaah tidak meraikan dan membenarkan aliran-aliran lainnya seperti *Muktazilah*, *Syiah*, *Khawarij* dan seumpamanya. Aliran-aliran ini merupakan aliran yang menyalahi prinsip Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dan dilarang untuk mengamalkannya.

Bagi item-item di Bahagian 2, ianya menyentuh beberapa perkara berhubung prinsip akidah dan amalan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Menyentuh beberapa isu yang menjadi perbahasan dalam kalangan rata-rata umat Islam, antaranya isu menjadikan roh orang yang telah mati sebagai wasilah dalam berdoa dan menjadikan kubur-kubur mereka sebagai tempat ibadah yang dimuliakan, 87.5% daripada responden tidak bersetuju perbuatan ini merupakan Ahli Sunnah manakala 12.5% tidak pasti. Dalam bab menyentuh *khilaf fiqh* dalam ibadah seperti amalan berqunut di solat Subuh atau membaca *basmalah* secara *sir* atau *jahar*, apakah isu ini membawa kepada kesesatan dan kerosakan akidah, semua responden sepakat bahawa ianya tidak mengakibatkan kerosakan akidah atau kesesatan. Ianya termasuk perkara *khilaf* yang wajar diterima secara terbuka oleh semua pihak. Seterusnya, berkaitan isu *takfir* dan sesat yang dilemparkan ke atas sesama muslim hanya kerana berbeza pandangan, semua responden bersetuju ianya tidak wajar dilakukan dan tidak termasuk dalam ajaran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Semua responden turut memberikan jawapan yang sama pada item kehujahan mimpi sebagai satu sandaran hukum dalam agama. Semua mereka menyatakan bahawa mimpi tidak dapat diterima sebagai sumber hukum dan hujah dalam agama. Demikian juga pada item kewajaran al-Quran atau hadis perlu kepada tafsiran semula apabila berlawanan dengan logik akal, semua responden menyatakan bahawa ianya tidak wajar. Menurut mereka, tafsiran para ulama silam masih relevan dan sangat wajar dijadikan pedoman oleh generasi terkemudian. Menerusi temubual yang dijalankan pada Bahagian 2, didapati kebanyakan responden dapat

memahami dengan jelas prinsip dan amalan Ahli Sunnah yang lazimnya menjadi polemik dalam kalangan masyarakat awam.

Pada Bahagian 3 yang menyentuh tentang sumber ilmu dan pendalilan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah, responden ditanya tentang faktor yang paling mempengaruhi mereka dalam menilai kebenaran sesuatu isu. 100% daripada responden mengakui mereka akan merujuk pihak yang berautoriti dalam bidang tersebut dan menilai kesahihan fakta yang disampaikan. Semua mereka sepakat bahawa sesuatu isu yang timbul wajar diteliti dan dipastikan dahulu kebenarannya dan melihat hujah yang disampaikan. Semua responden turut bersetuju bahawa sikap taasub kepada mana-mana aliran atau ajaran guru adalah menyalahi prinsip Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Hal ini kerana hanya Rasulullah SAW sahaja yang bersifat maksum, sedang manusia lainnya tidak sunyi daripada kesilapan atau kekeliruan. Sehubungan dengan itu juga, kesemua responden menyatakan tidak wajar seseorang itu dilabel sebagai Wahabi atau sesat hanya kerana bertanyakan dalil kepada ustaz atau penceramah. Bertanyakan dalil itu termasuk proses pembelajaran agar pelajar atau murid mampu mengetahui asal sumber hukum dalam perkara tersebut.

Selanjutnya, pada Bahagian 4, soalan-soalan yang diajukan berkaitan silibus pengajian akidah bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Semua responden bersetuju bahawa silibus sedia ada telah menyentuh perbahasan tentang Ahli Sunnah Wa al-Jamaah secara jelas. Namun 12.5% daripada responden menyatakan pendedahan tentang Ahli Sunnah kurang terperinci dan perlu perincian lebih jelas. Berkait dengan tahap pendedahan yang diberikan, semua responden bersetuju silibus yang diajarkan kepada pelajar adalah bersesuaian dengan tahap ijazah sarjana muda, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Dalam kalangan mereka, ada yang mencadangkan supaya dimasukkan subtopik tentang isu *Salaf* dan *Khalaf*, begitu juga isu tentang aliran Wahabi memandangkan kedua-dua isu sering menimbulkan suasana tidak harmoni dalam kalangan umat Islam. Termasuk dalam saranan responden juga agar para pelajar diberi pendedahan berkaitan adab serta etika dalam berbeza pandangan supaya perbezaan pandangan yang berlaku dapat ditangani secara ilmiah dan matang.

Merumuskan hasil temubual yang dijalankan, penyelidik mendapati objektif daripada kaji selidik yang dilakukan menunjukkan peratus kefahaman para responden tentang Ahli Sunnah Wa al-Jamaah berada pada tahap yang baik. Pendedahan tentang Ahli Sunnah Wa al-Jamaah yang terdapat dalam silibus juga berada di tahap yang baik namun tetap memerlukan penambahbaikan dan pemurnian agar kandungan silibus tersebut sentiasa malar segar.

## CADANGAN PEMURNIAN SILIBUS

Merujuk kepada dapatan kaji selidik yang telah dilakukan, beberapa cadangan pemurnian silibus dinyatakan seperti berikut:

- Memperincikan perbahasan tentang manhaj *talaqi* dan *istidlal* Ahli Sunnah Wal Jamaah serta perbandingan manhaj dengan golongan *ahli al-ahwa'*
- Penambahan tajuk tentang aliran Muhammad bin Abdul Wahab yang dikenal sebagai Wahabi, manhaj dan akidahnya agar para pelajar mendapat pendedahan yang bersifat ilmiah dan benar.
- Dicadang agar diperincikan perbahasan tentang aliran *Salaf* dan *Khalaf*, persamaan dan perbezaan fahaman dan manhaj antara kedua-dua aliran tersebut.
- Menyentuh isu-isu akidah semasa yang tular dalam kalangan masyarakat.

## KESIMPULAN

Merujuk kepada dapatan hasil temubual, tinjauan awal mendapati kebanyakan responden mempunyai kefahaman yang baik tentang Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Sebahagian besar mampu membezakan aliran-aliran yang bernaung di bawah lembayung Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dan selainnya. Perbahasan umum tentang Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dapat digarap dan difahami dengan jelas tanpa dipengaruhi momokan atau isu yang tular dalam media sosial. Rata-rata dalam kalangan siswa bersetuju sesuatu isu yang timbul sangat perlu ditentukan keabsahan fakta dan berita sebelum diterima sebagai satu maklumat yang benar. Dalam masa yang sama, beberapa penambahbaikan masih perlu dilakukan bagi memastikan maklumat berkaitan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah sentiasa malar segar dan relevan dengan isu semasa. Silibus dan kandungan kursus akidah perlu dikemaskini secara berkala agar para siswa sentiasa mendapat pendedahan yang sewajarnya dalam mendepani cabaran mendatang.

## RUJUKAN

Abdullah Yasin (2010) *Aqidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah*. Kuala Lumpur: al-Furqan Enterprise.

Abdul Shukor Husin (1998) *Ahli Sunnah Wal Jamaah Pemahaman Semula*. Bangi: UKM.

Basri bin Ibrahim (2019) *Krisis Akidah Antara Golongan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Yang Bernanhaj Asya'irah Dengan Ahli Hadis*. Batu Caves: al-Hidayah Publications.

Basri bin Ibrahim (2022) *Hakikat Tauhid Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*. Batu Caves: PTS Publishing House.

Mohd Aizam Mas'od (2015) *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.

Al-'Aql, Nasir bin Abdul Karim (2015) *Muqaddimaat Wa Qawaaid Fi Manhaj al-Salaf Fi al-Aqidah*. Riyadh: Dar al-Fadhilah.

Al-Muhammadi, Muhammad Uthman (1995) *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan Yang Mengamalkan Pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*. Kuala Lumpur. BAHEIS Jabatan Perdana Menteri.

Zulkifli Mohamad al-Bakri (t.t) *Ahli Sunnah Wal Jamaah Dan Usulnya*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.

Al-Qaradawi, Yusof Abdullah (2006) *Fusul Fi al-Aqidah Bayna al-Salaf Wa al-Khalaf*. Cetakan Kedua. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Suwiyan, Ahmad bin Abd. Al-Rahman (t.t) *Manhaj al-Talaqqi Wa al-Istidlal Bayna Ahl al-Sunnah Wa al-Mubtadi'ah*.

Ibn Abi al-Izz, Ali bin Ali (2017) *Syarah al-Akidah al-Tahawiyah*. Cetakan Ketiga. Diselenggara oleh Abdullah bin Abd. Al-Muhsin al-Turki dan Syuaib al-Arnauth. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.